

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 6/1982

DASAR PEMBAHAGIAN / PINDAHMILIK LOT-LOT TANAH DALAM SATU-SATU RANCANGAN PERUMAHAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menarik perhatian Pemungut Hasil Tanah pada Pekeliling-pekeling P.T.G. Bil. 6/1978 dan Bil. 3/1976 di mana kerajaan telah membuat keputusan bahawa kadar pembahagian lot-lot kediaman dalam satu-satu Rancangan Perumahan yang dimajukan di atas tanah kepunyaan Orang-Orang atau Badan-Badan Bukan Melayu ialah 30% kepada Bukan Melayu dan 70% kepada Melayu.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 23.6.1982 telah menimbangkan Kertas Bil. 11/277/82/(10) dan telah bersetuju mengubah sebahagian daripada keputusan yang telah dibuat itu seperti berikut :-
 - (a) Tanah yang dimiliki oleh Orang Bukan Melayu samada didalam atau diluar kawasan Rizab Melayu, apabila dimajukan untuk projek perumahan, perniagaan atau perindustrian, 70% daripadanya bolehlah dipindahmilik kepada Bukan Melayu dan 30% kepada Orang Melayu, dengan syarat bahawa penerima pindahmilik itu hendaklah Peranakan Kelantan (Native of Kelantan) mengikut takrif Enakmen Tanah Kelantan, 1938.
 - (b) Kadar-kadar pembahagian pindahmilik bagi tanah-tanah yang dimajukan oleh Orang Melayu dan / atau Badan-Badan lain adalah tidak berubah.

3. Dengan keputusan ini perenggan 2 dalam Pekeliling PTG. Bil. 6/1978 adalah dibatalkan dan digantikan dengan kadar sebagaimana yang tersebut dalam perenggan 2 dalam Pekeliling ini.
4. Tarikh mulai dasar ini berkuatkuasa ialah pada 24.6.1982. Ini bermakna bagi tuan-tuan tanah Bukan Melayu yang telahpun bersetuju menerima kadar lama sebelum 24.6.1982, maka mereka hendaklah memindahmilik lot-lot mereka mengikut kadar yang telah dipersetujui itu, iaitu 70% kepada Orang Melayu dan 30% kepada Bukan Melayu.
5. Untuk menentukan dasar yang telah ditetapkan ini dilaksanakan dengan berkesan, maka Pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki memberi perhatian kepada Arahan PTG. Bil. 2/1981.

t.t

(Ab.Hamid Bin Hj. Abu Bakar)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN,
KOTA BHARU.**

FAIL : PTG. KN.115/75/81

BERTARIKH : 15HB. JULAI, 1982.

KEPADA :-

Semua Pemungut Hasil Tanah, Kelantan.

SALINAN :-

YAB. Dato' Menteri Besar, Kelantan.

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.

YB. Tuan Penasihat Undang-Undang, Kelantan.

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

YABrs. Pengarah Ukur Negeri, Kelantan.

YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah, Kelantan.

YABrs Ketua Cawangan Odit, Kelantan.

YABrs. Setiausaha Lembaga Letrik Negara, Kuala Lumpur.